**MINIT MESYUARAT**
**JAWATANKUASA KUALITI**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)**
**KALI KE-51**
**SECARA ATAS TALIAN**

---

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 29 Julai 2021 (Khamis) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 12.30 tengahari |
| Platform | : | Secara atas talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting* |
| Kehadiran | : | Sepertimana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 51.0** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-51 ini. | **Makluman** |
| | (b) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan TWP merangkap ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:<br><br>(i) Ts. Shahril Iskandar Amir daripada Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, dilantik selaku TWP ISMS UPM bermula pada 01 Julai 2021;<br><br>(ii) Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah Abdullah, dilantik selaku TWP PP Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (Pej. TNCPI) bermula pada 15 Jun 2021;<br><br>(iii) Encik Johan Ali, dilantik selaku TWP PP Taman Pertanian Universiti (TPU) bermula pada 04 Mei 2021;<br><br>(iv) Encik Zuhaimi Abdul Rahim, dilantik selaku TWP PP Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP) bermula pada 15 Jun 2021; | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (v) Puan Hasliza Zakaria, dilantik selaku TWP PTJ Institut Biosains (IBS) bermula pada 15 Jun 2021;<br><br>(vi) Puan Suryani Ahmad, dilantik selaku TWP PTJ Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (INTROP) bermula 15 Jun 2021;<br><br>(vii) Puan Norazlina Zulkefli, dilantik selaku TWP PTJ Institut Kajian Perladangan (IKP) bermula 15 Mac 2021; dan<br><br>(viii) Puan Nur Syahirah Ibrahim, dilantik selaku TWP PTJ Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik (iAQUAS) bermula 16 Julai 2021. | |
| | (c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:<br><br>(i) Ts. Krishnan Mariappan, mantan TWP ISMS UPM yang telah berkhidmat bagi tempoh 17 Januari 2019 hingga 30 Jun 2021 (bersara wajib);<br><br>(ii) Puan Hasliza Zakaria, mantan TWP PP Pej. TNCPI yang telah berkhidmat bagi tempoh 01 Julai 2020 hingga 14 Jun 2021;<br><br>(iii) Encik Helmi Azro Mohd Hassan, mantan TWP PP TPU yang telah berkhidmat bagi tempoh 19 Disember 2020 hingga 03 Mei 2021;<br><br>(iv) Tuan Haji Amran Zakaria, mantan TWP PP PASP yang telah berkhidmat bagi tempoh 09 Mac 2018 hingga 20 April 2021(bersara wajib);<br><br>(v) Puan Nor Adida Ab Khalid, mantan TWP PTJ IBS yang telah berkhidmat bagi tempoh 01 Oktober 2020 hingga 31 Mei 2021;<br><br>(vi) Puan Nur Fazrina Ismail, mantan TWP PTJ INTROP yang telah berkhidmat bagi tempoh 16 November 2020 hingga 14 Jun 2021;<br><br>(vii) Encik Mohd Junaidi Yasin, mantan TWP PTJ IKP yang telah berkhidmat bagi tempoh 01 Februari 2021 hingga 14 Mac 2021; dan<br><br>(viii) Cik Salmee Suhana Hashim, mantan TWP PTJ iAQUAS yang telah berkhidmat bagi tempoh 01 Mac 2021 hingga 15 Julai 2021. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 51.1** | **Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-50**<br><br>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-50 yang telah diadakan pada 18 Februari 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan. | <br><br>**Makluman** |
| **Minit 51.2** | **Perkara Berbangkit**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-50 seperti mana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang serta mengambil perhatian terhadap perkara berikut:<br><br>(a) **<u>Minit 50.3 (d)</u> -** Pemantauan semasa semakan dokumen untuk kuatkuasa 25 Jun 2021, jumlah keseluruhan dokumen tahun 2016-2017 yang telah dikemaskini adalah sebanyak 62.69%. Jumlah ini tidak menepati sasaran yang ditetapkan iaitu 70% dokumen siap disemak dan dikemaskini. Ketidakcapaian sasaran disebabkan ketidaksediaan dokumen untuk semakan dan kelulusan di peringkat peneraju proses kerana pelaksanaan PKP/ pertukaran TWP PP /penarikan balik dokumen di saat akhir untuk semakan lebih terperinci. Pemantauan bagi 71 dokumen yang belum dipinda akan diteruskan bagi memastikan dokumen terlibat dikemaskini semasa sesi kuatkuasa dokumen pada 13 Ogos 2021.<br><br>(b) **<u>Minit 50.3 (f) (i)</u> -** Dokumen Berasaskan Pengguna Skop Pengajian Prasiswazah sedang dalam peringkat penyediaan draf oleh peneraju proses prasiswazah sehingga Julai 2021. Draf dokumen akan diselaraskan melalui beberapa siri bengkel di peringkat peneraju dan CQA bermula Ogos hingga November 2021. Pengurangan dokumen terkawal juga dibuat melalui semakan dokumen ISO setiap kali kuatkuasa termasuk dokumen belum pinda tahun 2016-2017.<br><br>(c) **<u>Minit 50.3 (f)(ii)</u> -** Pendigitalan dokumen ditekankan kepada semua TPKD semasa sesi semakan oleh peneraju proses untuk kuatkuasa dokumen ISO tahun 2021 dan pelaksanaannya adalah bergantung kepada kesesuaian di peringkat peneraju proses.<br><br>(d) **<u>Minit 50.3 (f)(iii)</u> -** Dwibahasa dokumen ISO fasa kedua ditangguhkan sehingga pelaksanaan Projek Dokumen Berasaskan Pengguna selesai. | <br><br>**Makluman**<br><br>**PKD**<br><br>**KB PKP,**<br>**TWP PP**<br>**TNCAA**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (e) **<u>Minit 50.4 (c)</u> -** Status terkini pelaksanaan tindakan penutupan penemuan Audit Dalaman (NCR dan OFI) Tahun 2020 oleh PTJ setakat 25 Julai 2021 adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Kategori | Bilangan | Belum Tutup | PTJ terlibat | PTJ terlibat dengan pindah NCR/OFI |
|---|---|---|---|---|
| NCR (QMS) | 188 | 57 (30%) | BKU, CALC, FBSB, FK, FPSK, FSKTM, FS, INSPEM, INTROP, IPSAS, PPKKP/PNC, PPPA, Penerbit, TPU | TNCPI (pindah dari FK dan INTROP) |
| OFI (QMS) | 235 | 73 (31%) | B. Akad, BKU, CALC, FBSB, FK, FSKTM, FS, INTROP, IPPM, IPSAS, ITAFOS, PASP, PEND, PKSSAAS, PPPA, PPSK/PNC, Penerbit, TNCPI, UPMKB | TNCPI (pindah dari ITMA), PPPA (pindah dari ITMA) & P.Bursar (pindah dari PPUU) |
| NCR (ISMS) | 13 | 2 (15%) | UPMKB | CADe (pindah dari FSTM) |
| OFI (ISMS) | 26 | 11 (42%) | BHEP, CADe, FBMK, FPSK, FSKTM, SPE, UPMKB | BKU (pindah dari P.PEND) |

| | | |
|---|---|---|
| | (f) **<u>Minit 50.4 (c)</u> -** TWP PP/TWP PTJ yang tersenarai pada Minit 51.2 (e) dimohon untuk membuat semakan dan menginput status tindakan terkini/membuat pindaan tarikh tindakan yang bersesuaian (sekiranya perlu) bagi tujuan penutupan penemuan audit dalaman tahun 2020 melalui PortalCQA. | **TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (g) **<u>Minit 50.4 (e)</u>** - Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM 2021 kepada pihak PTJ telah diedarkan pada 5 Mac 2021 dengan pemakluman pelanjutan tempoh pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2021 yang terkini mulai 1 April 2021 hingga 30 September 2021. Pelanjutan tempoh ini mengambilkira pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara Fasa 1 yang sedang berkuatkuasa serta perubahan tarikh terkini Audit Pensijilan Semula QMS dan ISMS oleh pihak SIRIM pada 13 hingga 24 Disember 2021. | **Makluman** |
| | (h) **<u>Minit 50.5.1 (b) (v)</u>** – Justifikasi penurunan sasaran tahun 2021 bagi tiga (3) petunjuk prestasi Pelan Fungsian dan Aras Peneraju Proses yang telah dipersetujui oleh mesyuarat adalah seperti di **Lampiran B.** | **Makluman** |
| | (i) **<u>Minit 50.6.2 (f)</u> -** Pihak iDEC dan Pentadbir Sistem e-Daftar SMP telah membincangkan untuk memasukkan pautan/*link* Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS ke dalam Sistem e-Daftar bagi mengelakkan kekeliruan kepada pelajar selain dapat memastikan hanya pelajar yang sah mendaftar sahaja menjawab soal selidik melalui pautan yang akan dipaparkan selepas pelajar berstatus sah di kolej kediaman. Penambahbaikan sedang dalam tindakan dengan sasaran disiapkan sebelum pendaftaran pelajar baharu pada 2 Oktober 2021. | **TWP PP TNCHEPA** |
| | (j) **<u>Minit 50.9 (b) -</u>** Garis Panduan Pengurusan Dokumen Rasmi UPM telah mengkategorikan dokumen terperingkat berdasarkan kepada Arahan Keselamatan dan telah dikomunikasikan kepada pihak PTJ melalui Taklimat Pengurusan Rasmi Dokumen Kerajaan pada 22 Julai 2021 yang disampaikan oleh pegawai Pejabat Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan (CGSO). Rentetan daripada itu, mesyuarat turut mencadangkan supaya Pejabat Pendaftar melantik jawatan khusus berdasarkan keperluan Arahan Keselamatan iaitu Pendaftar Rahsia dan Pegawai Pengelas di peringkat UPM bagi menguruskan dokumen terperingkat di UPM. | **PRJ UPM** |
| | (k) **<u>Minit 50.10.1 (c) -</u>** Proses Pendaftaran Kursus Pelajar Prasiswazah akan dipertimbangkan untuk perluasan Skop ISMS fasa berikutnya iaitu apabila naiktaraf Sistem Maklumat Pelajar (eSMP) versi 4.0 telah lengkap sepenuhnya dengan sasaran pelaksanaanya pada tahun 2024. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 51.3** | **Laporan Dokumentasi (QMS & ISMS)**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum laporan dokumentasi adalah sepertimana **Lampiran Agenda 4** yang dibentang merangkumi perkara berikut:<br><br>(i) Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan; dan<br>(ii) Makluman Pengemaskinian Dokumen Rujukan ISMS. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum perubahan ke atas dokumen skop pengurusan QMS iaitu Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) pada perkara 6.0 (Rekod) iaitu dengan menambah penggunaan *google form* sebagai pilihan lain bagi Log Pemantauan Pindaan/Tambahan Dokumen Induk dan Log Pemantauan Pindaan/Tambahan Dokumen Peneraju Proses. | **Makluman** |
| | (c) meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 13 Ogos 2021. | **PKD** |
| | (d) turut mengambil maklum berkaitan pemakaian dokumen rujukan ISMS terkini dengan tarikh kemaskini 16 Julai 2021 melibatkan dua (2) dokumen berikut, iaitu:<br><br>(i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat; dan<br>(ii) Dokumen Penyata Pemakaian (SoA), Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat. | **Makluman** |
| | (e) mengambil maklum justifikasi perubahan dokumen rujukan ISMS tersebut adalah disebabkan oleh:<br><br>(i) pengguguran *meal plan* daripada pengecualian skop ISMS;<br><br>(ii) perubahan nama Bahagian Governan dan Integriti, Pejabat Naib Canselor kepada Unit Integriti, Pejabat Naib Canselor; dan<br><br>(iii) pengemaskinian maklumat berkaitan kelulusan Dasar Kualiti QMS. | **Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(f) mengambil maklum hebahan pemakaian dokumen rujukan ISMS ini telah dibuat kepada semua PTJ/entiti yang terlibat dengan pelaksanaan ISMS UPM pada 16 Julai 2021 dan dokumen tersebut juga boleh dirujuk melalui Portal eISO UPM.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>Minit 51.4</td><td>Laporan Audit (QMS & ISMS)<br><br>Mesyuarat:</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(a) mengambil maklum laporan audit ISO yang merangkumi laporan pelaksanaan audit dalaman QMS dan ISMS tahun 2021, laporan penemuan audit dalaman tahun 2021 dan pelaksanaan audit SIRIM tahun 2021 adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(b) mengambil maklum tempoh pelaksanaan audit dalaman PTJ telah dilanjutkan kali kedua sehingga 30 September 2021 mengambilkira pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) berkuatkuasa 3 hingga 16 Julai 2021 serta pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) Fasa 1 berkuatkuasa 17 Julai 2021. Tempoh asal pelaksanaan audit dalaman adalah pada 1 April hingga 30 Mei 2021 sebelum dilanjutkan kali pertama sehingga 30 Ogos 2021 ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 yang berkuatkuasa mulai 1 hingga 14 Jun 2021.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(c) mengambil maklum audit dalaman tahun 2021 boleh dilaksana oleh PTJ secara tiga (3) kaedah iaitu:<br><br>(i) Bersemuka fizikal ‘on-site’;<br>(ii) Audit Jarak Jauh ‘Remote Audit’ - diberi keutamaan; dan<br>(iii) Gabungan bersemuka fizikal dan ‘Remote Audit’.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(d) mengambil maklum empat (4) cadangan pilihan pelaksanaan ‘Remote Audit’ adalah seperti berikut:<br><br><table><tr><th>Pilihan</th><th>Auditor</th><th>Auditee</th><th>Situasi/Keadaan</th></tr><tr><td>1</td><td>WFH</td><td>WFO</td><td>Auditee bergilir di pej. mengikut jadual & patuh SOP MKN/UPM (bagi rekod yang hanya boleh dicapai di pejabat)</td></tr></table></td><td></td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>Pilihan</td><td>Auditor</td><td>Auditee</td><td>Situasi/Keadaan</td></tr>
<tr><td>2</td><td>WFH</td><td>WFH</td><td>Rekod tersedia dalam softcopy/sistem atas talian/rakaman</td></tr>
<tr><td>3</td><td>WFH</td><td>WFH</td><td>Rekod/dokumen rasmi dibawa balik ke rumah & patuh GP Pengurusan Keselamatan Perlindungan Dokumen Rasmi UPM<br>(rekod ditunjuk terus melalui kamera video atau diimbas)</td></tr>
<tr><td>4</td><td>WFO</td><td>WFO</td><td>Auditee bergilir di pej. mengikut jadual, auditor dan auditee berada dilokasi yang berbeza & patuh SOP MKN/UPM<br>(bagi kes auditor yang memerlukan liputan talian internet yang lebih stabil berbanding dirumah)</td></tr>
</table>
</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(e) turut mengambil maklum berhubung enam (6) tanggungjawab PTJ, lima (5) tanggungjawab Ketua Juruaudit Dalaman PTJ, tempoh semakan rekod dan senarai PTJ yang telah diaudit oleh SIRIM tahun 2020 adalah sepertimana perincian pada Lampiran Agenda 5 yang dibentang.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(f) mengambil perhatian sehingga 26 Julai 2021, sebanyak 25 PTJ (35%) telah melaksanakan audit dalaman QMS dengan jumlah penemuan keseluruhan adalah sebanyak 31 NCR dan 59 OFI. Manakala bagi ISMS belum ada PTJ yang melaksanakan audit sehingga tarikh pelaporan.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(g) turut mengambil maklum Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS akan dilaksanakan pada 13 hingga 24 Disember 2021 yang perlu diberi perhatian oleh PTJ berkenaan semakan rekod bagi tempoh tiga (3) tahun (2019-2021).</td><td>Semua TWP PP,<br>TWP PTJ</td></tr>
<tr><td>Minit 51.5</td><td>Laporan Pencapaian Objektif ISO<br><br>51.5.1 - Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan menterjemahkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut:</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(a) Laporan Pencapaian Key Performance Indicator (KPI) Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2021</td><td></td></tr>
<tr><td></td><td>(i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian KPI tahun 2021 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6 (a) (i) yang dibentang. Laporan ini merujuk kepada pembentangan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI UPM Sukuan Kedua (Q2) pada 23 Julai 2021.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td></td><td>(ii) Mesyuarat mengambil maklum pencapaian keseluruhan KPI Q2 tahun 2021 berdasarkan 36 KPI yang diukur adalah sebanyak 77.41% iaitu dengan lapan (8) KPI mencapai sasaran 100%, 10 KPI mencapai sasaran sebanyak 75–99%, 11 KPI berada pada tahap pencapaian 0-74% dan lima (5) KPI belum dinilai. Pecahan pencapaian KPI Q2 2021 bagi setiap skop adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>Komponen</th><th>Pencapaian (%)</th></tr>
<tr><td>Akademik & Antarabangsa</td><td>78.60</td></tr>
<tr><td>Penyelidikan & Inovasi</td><td>45.15</td></tr>
<tr><td>Hal Ehwal Pelajar & Alumni</td><td>99.26</td></tr>
<tr><td>Jaringan Industri & Masyarakat</td><td>47.68</td></tr>
<tr><td>Sumber Manusia</td><td>98.05</td></tr>
<tr><td>Pengurusan Kewangan</td><td>92.69</td></tr>
<tr><td>Perkhidmatan Perpustakaan & ICT</td><td>90.12</td></tr>
<tr><td>Pertanian</td><td>85.74</td></tr>
</table></td><td>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iii) Mesyuarat mengambil maklum pengukuran 36 KPI Q2 2021 merangkumi cadangan tambahan 6 KPI baharu dan 6 KPI digugurkan berbanding tahun 2020 sepertimana berikut: | **Makluman** |

| KPI ditambah | KPI digugurkan |
|---|---|
| 1. Indeks Patriotisme berdasarkan Program yang dilaksanakan | 1. Akreditasi antarabangsa |
| 2. Transformasi Aplikasi Sumber Manusia | 2. Projek penyelidikan secara kerjasama |
| 3. Pangkalan data/ebook di indeks (Discovery@Lib) | 3. Bilangan bilik dinaiktaraf |
| 4. Peratus pengguna UPM mengakses maklumat secara dalam talian | 4. Memasyarakatkan kepakaran |
| 5. Kutipan Dana Zakat, Wakaf dan Endowmen (diukur bermula Q3 2021) | 5. Program angkat |
| 6. Pengagihan Dana Zakat, Wakaf dan Endowmen (diukur bermula Q3 2021) | 6. Aktiviti Penyebaran Ilmu dan Jaringan Komuniti |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iv) Mesyuarat mengambil maklum justifikasi dan tindakan pembetulan/penambahbaikan bagi KPI Q2 tahun 2021 yang tidak mencapai sasaran telah dibincangkan semasa Bengkel Penilaian Pencapaian KPI UPM Sukuan Kedua (Q2) Tahun 2021 dan dalam perhatian dan tindakan peneraju yang terlibat. | **Makluman** |
| | (v) Mesyuarat meminta semua TWP menghebahkan mengenai pengukuran KPI UPM tahun 2021 kepada semua warga PTJ masing-masing. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **(b) Laporan Pencapaian Pelan Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2021**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(i) mengambil maklum laporan pencapaian pelan fungsian dan aras bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) mengambil maklum daripada 72 petunjuk prestasi yang diukur, sebanyak 45 petunjuk prestasi mencapai sasaran, 13 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran manakala baki 14 petunjuk prestasi lagi tidak dapat diukur. Pecahan pencapaian petunjuk prestasi berdasarkan skop proses adalah seperti berikut:<br>• Proses Prauniversiti – 66.67%<br>• Proses Utama – 45.45%<br>• Proses Sokongan – 70.00%<br>• Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 64.58% | **Makluman** |
| | (iii) mengambil maklum 14 petunjuk prestasi yang tidak dapat diukur secara keseluruhannya adalah disebabkan oleh proses tindakan belum mencapai tempoh yang ditetapkan dan juga penangguhan/ketiadaan aktiviti pengukuran disebabkan oleh Pandemik Covid 19. Perincian justifikasi bagi setiap petunjuk prestasi yang tidak dapat diukur adalah sebagaimana dinyatakan pada **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (iv) mesyuarat mengambil perhatian senarai 13 petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran adalah seperti berikut: | **Makluman** |

| Bil | Petunjuk Prestasi | Peneraju |
|---|---|---|
| 1. | Peratusan pelajar menduduki viva dalam tempoh tiga (3) bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk pemeriksaan | Sekolah Pengajian Siswazah |
| 2. | Laporan keseluruhan Penilaian Prestasi Pembekal 2 kali setahun - 60% dan ke atas | Pejabat Bursar |

| MINIT | AGENDA | | | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Bil | Petunjuk Prestasi | Peneraju | |
| | | 3. | Proses pertimbangan permohonan akreditasi program oleh Jawatankuasa Swaakreditasi Program Pengajian dilaksanakan dalam tempoh berikut:<br><br>(a) Dua (2) bulan dari tarikh pelaksanaan audit program bagi Pengerusi Panel Penilai yang mengaudit satu (1) program pengajian sahaja,<br><br>(b) Tiga (3) bulan daripada tarikh pelaksanaan audit program bagi Pengerusi Panel Penilai yang mengaudit melebihi satu (1) program pengajian | Pusat Jaminan Kualiti | |
| | | 4. | Pemakluman kelulusan akreditasi program kepada fakulti dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh mesyuarat Jawatankuasa Swaakreditasi Program Pengajian | Pusat Jaminan Kualiti | |
| | | 5. | Jumlah pendapatan yang diperoleh<br>(daripada pelaburan) | Pejabat Bursar | |
| | | 6. | Peratus membayar semua tuntutan dalam tempoh 14 hari | Pejabat Bursar | |
| | | 7. | Mengeluarkan anak benih tanaman | Taman Pertanian Universiti | |
| | | 8. | Kutipan RM500,000.00 setahun ke Akaun Tabung Amanah PKKSSAAS | Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah | |
| | | 9. | Menerima tempahan dari pelbagai agensi kerajaan dan swasta iaitu 90 penggunaan bagi Dewan Besar dan Panggung Percubaan setahun | Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahudin Abdul Aziz Shah | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | | |

| Bil | Petunjuk Prestasi | Peneraju |
|---|---|---|
| 10. | Penyelenggaraan peralatan ICT dilaksanakan secara berkala sekurang-kurangnya sekali setahun | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 11. | Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki secara dalaman - 4 jam bagi sistem rangkaian jika tidak melibatkan kerosakan peralatan, 5 jam bagi sistem utama Universiti, 2 hari bagi baik pulih peralatan ICT | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 12. | Tempoh pemulihan masalah sistem ICT diperbaiki oleh pihak luar - 2 hari bagi sistem aplikasi dan pangkalan data, 28 hari untuk peralatan ICT | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 13. | Peratusan klien yang memberi skor penilaian 4.75 daripada skala 5 likert (bagi khidmat penyuntingan dan penterjemahan) | Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (v) meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran /penambahbahbaikan terhadap petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran sebagaimana yang telah dicadangkan pada **Lampiran Agenda 6 (a)(ii)** bagi memastikan sasaran tercapai pada penghujung tahun 2021. | **TWP PP SPS, TWP PP Pej. Bursar, TWP PP CQA, TWP PP PKKSSAAS, TWP PP TPU, TWP PP iDEC, TWP PP CALC** |
| | (vi) mengambil perhatian bagi tujuan membantu pencapaian petunjuk prestasi 'Peratus membayar semua tuntutan dalam tempoh 14 hari', semua PTJ disarankan untuk menghantar seberapa segera dokumen tuntutan pembayaran ke Pejabat Bursar selepas selesai bekalan/perkhidmatan diterima oleh PTJ tanpa menunggu sehingga hujung tahun untuk berbuat demikian. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |
| | (vii) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Pelan Fungsian dan Aras tahun 2021 bagi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) sepertimana dinyatakan di **Lampiran C.** | **KB PKP, TWP PP TNCJINM** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | **(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2021** | |
| | (i) Mesyuarat mengambil maklum laporan pencapaian piagam pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 yang merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda Agenda 6 (a) (iii)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 146 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 melibatkan kategori proses pelaksanaan SPK di UPM seperti berikut:<br><br>• Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 17 mencapai sasaran, dua (2) tidak mencapai sasaran dan enam (6) belum dapat diukur; dan<br>• Proses Sokongan sebanyak 121 piagam melibatkan 33 PTJ dengan 90 mencapai sasaran, 13 tidak mencapai sasaran dan 18 belum dapat diukur. | **Makluman** |
| | (iii) Mesyuarat mengambil maklum piagam pelanggan skop Proses Utama dan Sokongan yang tidak mencapai sasaran adalah disebabkan oleh pihak bertanggungjawab/pelanggan tidak mematuhi tempoh masa proses, perubahan keperluan dan prosedur kerja bagi agensi/kementerian kerana kekangan Pandemik Covid-19 dan gangguan capaian rangkaian internet di rumah semasa pekerja menjalankan tugas. Manakala bagi piagam pelanggan yang tidak dapat diukur pula adalah disebabkan tiada permohonan untuk proses utama disebabkan kekangan Perintah Kawalan Pergerakan dan juga proses masih belum berlaku. | **Makluman** |
| | (iv) Mesyuarat dimaklumkan piagam pelanggan perlu dikaji semula sekurang-kurangnya sekali setiap 12 bulan untuk memastikan ianya sentiasa memenuhi keperluan pelanggan dengan mengambilkira faktor-faktor berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | • Perubahan pada prosedur kerja;<br>• Penstrukturan PTJ;<br>• Penemuan dan teguran audit;<br>• PTJ melaksanakan inisiatif baharu;<br>• Pertambahan kepakaran melalui penggunaan teknologi; dan<br>• Penambahbaikan sistem sedia ada. | |
| | (v) Mesyuarat dimaklumkan pemantauan perlu dilaksana secara berterusan ke atas tahap kualiti penyampaian perkhidmatan bagi memastikan janji-janji dalam piagam pelanggan dipenuhi. Justeru, setiap PTJ diminta membuat penghantaran laporan piagam pelanggan setiap bulan kepada pihak Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) di Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat UPM bagi membantu penyimpanan rekod pengukuran piagam pelanggan UPM secara lebih teratur. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |
| | (vi) Mesyuarat meminta peneraju proses terlibat melaksanakan tindakan kawalan ketakakuran/ penambahbahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran bagi tempoh Januari hingga Jun 2021. | **TWP PP TNCAA, TWP PP TNCJINM, TWP PP SPS, TWP PP PNC, TWP PP Pej. Bursar, TWP PP PPPA, TWP PP PUPM, TWP PP PKU, TWP PP INTL, TWP PP CADe** |
| | (vii) Mesyuarat turut meminta supaya Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) diteliti kembali mengambilkira beberapa cadangan penambahbaikan yang dikemukakan semasa mesyuarat antaranya berkaitan kesediaan sistem bagi pengendalian aduan yang diterima daripada luar dan juga tahap responsif sistem terhadap maklum balas yang diinputkan. | **PKPU** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (viii) Mesyuarat turut mengambil maklum berhubung kekangan komunikasi yang dihadapi oleh pelanggan terutamanya pelajar sepanjang tempoh Pandemik Covid-19 memandangkan kebanyakan pekerja melaksanakan tugasan dari rumah (WFH). Justeru mesyuarat mencadangkan supaya penggunaan *IP Phone*/perisian berkaitannya disebarluaskan kepada semua warga UPM bagi membantu kelancaran komunikasi dengan pihak pelanggan sepanjang tempoh PKP/PPN. | **PKPU, TWP PP iDEC** |
| | **51.5.2 - Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari Hingga Jun Tahun 2021** | |
| | Mesyuarat: | |
| | (a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tempoh Januari hingga Jun 2021 adalah sepertimana pada **Lampiran Agenda 6 (b)** yang telah dibentang. | **Makluman** |
| | (b) mengambil maklum kesemua tiga (3) objektif ISMS masih belum dapat diukur bagi tempoh penilaian Januari hingga Jun 2021 disebabkan tempoh pelaksanaan tindakan yang belum selesai/belum cukup tempoh bagi aktiviti berikut, iaitu: | **Makluman** |
| | (i) Proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah akan dilaksanakan pada 2 hingga 3 Ogos 2021 (Pelajar Diploma) di Kampus Bintulu dan 2 hingga 3 Oktober 2021 (Pelajar Bacelor) di Kampus Serdang dan Bintulu; dan | |
| | (ii) Penilaian Pengajaran Pensyarah untuk kursus prasiswazah bagi Semester Kedua Sesi 2020/2021 masih sedang berjalan bermula 31 Mei 2021 hingga 30 November 2021. | |
| | (c) mengambil maklum pendaftaran pelajar akan dilaksanakan secara atas talian sepenuhnya kecuali bagi pelajar yang berkeperluan di UPM Kampus Bintulu akibat kekangan liputan internet. | **Makluman** |
| | (d) turut dimaklumkan sekiranya berlaku *server down* semasa minggu pendaftaran pelajar baharu prasiswazah, pihak Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi akan mengambil tindakan *backup* berdasarkan Pelan Pemulihan Bencana ICT UPM. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| **Minit 51.6** | **Laporan Maklum balas Pihak Berkepentingan ISO 2021 - QMS & ISMS Bagi Tempoh Januari Hingga Jun Tahun 2021** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Maklum balas Pihak Berkepentingan ISO QMS & ISMS Tahun 2021 oleh PKPU, UPM berhubung Status Pelaksanaan Soal Selidik Pihak Berkepentingan Tahun 2021 sepertimana **Lampiran Agenda 7** yang dibentang merangkumi perkara berikut : | **Makluman** |
| | (i) **Soal Selidik Pihak berkepentingan QMS melibatkan tiga (3) kategori seperti berikut:**<br><br>• **Soal Selidik Pengajaran dan Pembelajaran** bagi Penaja telah dilaksanakan pada 13 April 2021, Pelajar Tahun 2 dilaksanakan pada 23 April 2021 manakala bagi bakal pelajar tidak dapat dilaksanakan kerana tiada promosi fizikal dijalankan disebabkan faktor pandemik Covid-19;<br><br>• **Soal Selidik Penyelidikan dan Inovasi** bagi Penyelidik dan Industri dijadualkan pada 2 Ogos 2021; dan<br><br>• **Soal Selidik Jaringan Industri dan Masyarakat** bagi Staf, Industri dan Komuniti tidak dapat dilaksanakan kerana tiada program/aktiviti yang dapat dijalankan bersama pihak Industri dan Komuniti kerana kekangan pandemik Covid-19. | **Makluman** |
| | (ii) **Soal Selidik Pihak Berkepentingan ISMS melibatkan dua (2) kategori seperti berikut:**<br><br>• **Soal Selidik Keselamatan Maklumat Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Sesi Kemasukan 2021/2022** akan dilaksanakan pada 2 - 3 Ogos 2021 (Pelajar Diploma) & 2 - 3 Oktober 2021 (Pelajar Bacelor); dan<br><br>• **Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah Semester Kedua Sesi 2020/2021** yang sedang dilaksana bermula 31 Mei 2021 – 30 November 2021. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (b) Mesyuarat turut mengambil perhatian ke atas usul PTJ CALC berkenaan Borang Kajian Kepuasan Pelanggan Skop Sokongan dengan keperluan khusus bagi kegunaan maklum balas pelanggan kategori pelajar siswazah di CALC. | **PKPU, TWP PP CALC** |
| **Minit 51.7** | **Laporan Penilaian Risiko ISO QMS dan ISMS Bagi Tempoh Januari Hingga Jun Tahun 2021** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko QMS (Pertengahan Tahun Pertama (HY1) 2021) sepertimana **Lampiran Agenda 8 (a)** yang dibentang merangkumi perkara berikut: | **Makluman** |
| | (i) Jumlah isu operasi yang telah dikenal pasti oleh PTJ sebanyak 441 merangkumi 331 isu dalaman dan 110 isu luaran berdasarkan 71 PTJ (97%) yang telah melaporkan pengenalpastian isu dan risiko operasi tahun 2021; | **Makluman** |
| | (ii) 295 isu sedia ada (isu tahun 2020 yang masih relevan tahun 2021) dan sebanyak 146 isu baharu tahun 2021; | **Makluman** |
| | (iii) Peratus tertinggi kategori fungsian/operasi berdasarkan isu di PTJ adalah:<br>• Pentadbiran/perkhidmatan = 20% (88 isu);<br>• Kewangan = 19.5% (86 isu); dan<br>• Pengajaran = 16.1% (71); | **Makluman** |
| | (iv) Risiko operasi yang memberi kesan kepada KPI UPM dan Pihak Berkepentingan mengikut peratus tertinggi adalah :<br>• Pihak berkepentingan = 28.6% (126);<br>• KPI Akademik & Antarabangsa= 16.8% (74); dan<br>• KPI Kewangan & Aset = 14.3% (63); | **Makluman** |
| | (v) Penilaian Risiko Awal dan Pertengahan Tahun Pertama 2021 (HY1/2021) seperti graf berikut:<br><br> | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (vi) Kawalan tindak balas ke atas risiko operasi HY1/2021 adalah bagi 333 risiko yang dinilai dan meminta PTJ melaksanakan kawalan berdasarkan kaedah kawalan yang dipilih bagi memastikan tahap risiko operasi terkawal. | **Semua TWP PP, TWP PTJ** |
| | (b) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Penilaian Risiko ISMS (Januari – Jun 2021) sepertimana **Lampiran Agenda 8 (b)** yang dibentang merangkumi perkara berikut: | **Makluman** |
| | (i) Hasil Penilaian Risiko operasi ISMS yang dinilai melalui sistem MyRAM *(Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology)* pada Mac 2021 adalah melibatkan **776 aset** dengan **1185 jumlah ancaman;** | **Makluman** |
| | (ii) Proses yang dinilai merangkumi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang, Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB, Sistem sokongan (Pusat Data) dan Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti seperti berikut : | **Makluman** |

**HASIL PENILAIAN RISIKO SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT SEMAKAN MAC 2021**

| Bil. | Nama Proses | Bil Aset | Bil Ancaman | Bil. Tahap Risiko (Bilangan Ancaman) R | S | T |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang | 472 | 588 | 579 | 9 | 0 |
| 2. | Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah UPMKB | 74 | 148 | 148 | 0 | 0 |
| 3. | Sistem sokongan (Pusat Data) | 88 | 118 | 91 | 27 | 0 |
| 4. | Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti | 142 | 331 | 265 | 66 | 0 |
| | **JUMLAH** | **776** | **1185** | **1083** | **102** | **0** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iii) Tindakan kawalan dan pelan pemulihan risiko ISMS telah dikenalpasti dalam menyediakan perlindungan dan kawalan keberkesanan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM dan akan dipantau dari masa ke semasa oleh peneraju ISMS yang terlibat. | **Makluman** |
| **Minit 51.8** | **Laporan Latihan Universiti** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Latihan Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 9** yang dibentang oleh PLS UPM merangkumi perkara berikut : | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (i) Konsep dan pendekatan kerangka kerja CBTM di UPM adalah seperti rajah berikut : | **Makluman** |
| |  | |
| | (ii) Pejabat Pendaftar, UPM menggunapakai definisi latihan sebagaimana mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil.6/2005 - Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam dalam merangka struktur pengurusan latihan Universiti; | **Makluman** |
| | (iii) Pejabat Pendaftar, UPM turut menggunapakai Sistem Mata CPD Latihan dengan mensasarkan 18 mata setahun bersamaan 3 hari latihan yang direkodkan menerusi Sistem Pengurusan Latihan (SPL), yang akan menyumbang 5 markah e-LPPT staf setiap tahun; | **Makluman** |
| | (iv) Pejabat Pendaftar, UPM telah menambahbaik Penilaian Keberkesan Latihan Berdasarkan Objektif Latihan/Kursus seperti berikut :<br>• Penilaian Kursus Tahap 1 oleh peserta kursus;<br>• Penilaian Keberkesanan Latihan Tahap 3 oleh Penyelia; dan<br>• Kompetensi / Analisis Keberkesanan Latihan berdasarkan Objektif Latihan. | **Makluman** |
| | (v) Statistik Kehadiran 18 Jam/3 Hari Latihan Staf Bukan Akademik setakat Sukuan Kedua (Q2) 2021 PTJ UPM seperti berikut :<br>• kecukupan minimum 3 hari latihan - 2243 orang (56.73%);<br>• kurang daripada 3 hari latihan – 1555 orang (39.33%); dan<br>• belum mengikuti latihan – 156 orang (3.95%). | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (vi) semua PTJ diminta menyemak rekod latihan staf melalui sistem SPL dan melaksanakan tindakan pemantauan terhadap status kecukupan latihan staf PTJ berdasarkan perangkaan pencapaian kecukupan 18 jam latihan staf UPM mengikut PTJ yang dikemaskini setakat 3 Julai 2021; | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | (vii) TWP PP/TWP PTJ dengan kerjasama TPLS PTJ dimohon mengambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan pencapaian kecukupan latihan staf PTJ dan Universiti mencapai sasaran 100 peratus pada suku keempat (Q4) tahun 2021. | **TWP PP, TWP PTJ** |
| | (b) Mesyuarat turut mengambil perhatian perkara – perkara berikut : | |
| | (i) kompetensi staf menerusi penyeliaan keberkesanan latihan dimajukan kepada Penyelia staf selepas tempoh 3 bulan staf menghadiri kursus. | **Makluman** |
| | (ii) Pejabat Pendaftar ada membuat perancangan melaksanakan kursus/latihan berkonsep *microcredential* di peringkat Universiti pada masa akan datang. | **Makluman** |
| | (iii) perancangan Pejabat Pendaftar bagi penganjuran *Workplace Based Training* (WBT) dalam meningkatkan kompetensi staf yang bersesuaian dengan persekitaran tugasan peringkat Universiti. | **Makluman** |
| | (iv) cadangan PTJ bagi meningkatkan jumlah hari latihan staf serta kompetensi berdasarkan bidang tugas tertentu menerusi inisiatif latihan staf secara dalam talian khasnya yang memberikan sijil/perakuan tertentu dengan peruntukan kos latihan dibiayai oleh PTJ dengan kelulusan Pejabat Pendaftar. | **PLS UPM** |
| **Minit 51.9** | **Laporan Pengurusan Rekod Universiti** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pengurusan Rekod Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 10** yang dibentang oleh PRJ, UPM merangkumi perkara berikut : | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (i) penambahbaikan telah dilaksanakan di peringkat Pejabat Pendaftar ke atas Kod Klasifikasi Fail Universiti Putra Malaysia yang terkini sehingga Jun 2021; | **Makluman** |
| | (ii) 19 Kod baharu yang diwujudkan telah dikemaskini pada Senarai Kod Klasifikasi Fail Universiti Putra Malaysia yang boleh dirujuk pada pautan Laman Sesawang Pejabat Pendaftar untuk rujukan, kegunaan dan pengemaskinian fail PTJ oleh semua PRJ PTJ dan Pekerja PTJ dengan jumlah penambahan bilangan kod seperti berikut: | **Makluman** |

| Kod Klasifikasi Fail | Bilangan penambahan Kod Baharu |
|---|---|
| 100 – Pentadbiran | 4 |
| 300 - Aset Alih/ Hidup dan Stor Universiti | 4 |
| 400 - Pengurusan Kewangan dan Perakaunan | 9 |
| 600 - Pengurusan Akademik Universiti | 2 |
| 800 - Penyelidikan dan Inovasi | 1 |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (iii) pihak Pejabat Pendaftar masih menunggu kelulusan pihak MAMPU bagi cadangan pelaksanaan pengurusan fail digital di peringkat Universiti. | **Makluman** |
| **Minit 51.10** | **Hal – Hal Lain** | |
| | **51.10.1 Maklum balas Cadangan Perluasan Skop ISMS UPM** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum berkaitan maklum balas Cadangan Perluasan Skop ISMS sepertimana **Lampiran Agenda 11 (a)** yang dibentang oleh TWP ISMS UPM. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat mengambil perhatian kembali berkaitan Petikan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-50 pada 18 Februari 2021 berkaitan cadangan perluasan skop ISMS seperti berikut: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah dengan penambahan entiti baharu Sekolah Pengajian Siswazah untuk dilaksanakan pada tahun 2022; dan<br><br>(ii) Proses Pendaftaran Kursus Pelajar Prasiswazah turut dimasukkan ke dalam skop pensijilan dan penelitian khusus mengenainya perlu dilaksana bagi memastikan kesediaan proses serta sistem yang terlibat. | |
| | (c) Mesyuarat mengambil maklum hasil perbincangan bersama peneraju proses terlibat pada 11 Jun 2021 dan 24 Jun 2021, telah bersetuju mencadangkan skop ISMS diperluaskan kepada Pelajar Siswazah seperti berikut:<br><br>(i) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Prasiswazah dan Siswazah; dan<br><br>(ii) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi Proses Penilaian Pengajaran Prasiswazah dan Siswazah. | **Makluman** |
| | (d) Mesyuarat bagaimanapuan dimaklumkan hasil perbincangan semula antara pihak CADe, SPS dan iDEC pada 14 Julai 2021, cadangan perluasan skop Proses Penilaian Pengajaran Siswazah dilihat belum bersedia untuk perluasan skop tahun 2022 atas justifikasi dua (2) penambahbaikan berikut perlu dilaksana terlebih dahulu, iaitu:<br><br>(i) Naik taraf Sistem iGIMS; dimana pada masa kini Sistem iGIMS hanya boleh merekodkan maksimum tiga (3) nama pengajar bagi setiap kursus. Bagaimanapun terdapat kursus siswazah yang diajar secara bersama oleh lebih dari tiga (3) orang pensyarah terutamanya bagi pengajaran klinikal. Oleh itu, CADe memasukkan data pengajar bersama (yang tidak diinput dalam Sistem iGIMS) secara manual dalam Sistem Penilaian Pengajaran (*Teaching Assessment*, TA), | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | bagi membolehkan TA kursus/pensyarah dilaksanakan. Perkara ini menyebabkan percanggahan data pengajar antara sistem sumber data (iGIMS) dan Sistem TA. Justeru, naik taraf Sistem iGIMS perlu dilaksanakan bagi meningkatkan keupayaan input bilangan pengajar sesebuah kursu ; dan<br><br>(ii) Memperkemaskan pengurusan proses penentuan pengajar kursus siswazah di fakulti/sekolah dan pendaftaran kursus di dalam Sistem iGIMS. | |
| | (e) Mesyuarat seterusnya mempertimbang dan bersetuju supaya perluasan skop ISMS bagi tahun 2022 hanya diteruskan bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Sepenuh Masa Siswazah manakala bagi skop Penilaian Pengajaran Siswazah akan dimasukkan sebagai perluasan skop fasa berikutnya tertakluk kepada kesediaan sistem yang terlibat. | **TWP ISMS, KB PKP** |
| | **51.10.2 Keperluan Semakan Semula Ke atas Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran** | |
| | (a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai cadangan supaya Borang Pemantauan Pelaksanaan Pengajaran (PU/PS/ BR04/AJR) yang dinyatakan dalam Prosedur Pengendalian Kursus (UPM/PU/PS/P007) dikaji semula supaya elemen pemantauan yang dinyatakan dalam borang tersebut bersesuaian dengan garis panduan/SOP yang terpakai sepanjang tempoh PKP/PPN yang berkuatkuasa serta pematuhan amalan baik MQA. | **Makluman** |
| | (b) Mesyuarat dimaklumkan satu sesi perbincangan akan diadakan oleh Bahagian Kemasukan dan Urus Tadbir Akademik bagi meneliti cadangan ini. | **TWP PP TNCAA** |
| | **51.10.3 Pengemaskinian Senarai Jawatankuasa Pengurusan Risiko PTJ**<br><br>Mesyuarat mengambil perhatian berkaitan keperluan semua TWP PP/PTJ untuk mengemukakan Senarai Jawatankuasa Risiko PTJ kepada pihak PSPK selaku Sekretariat Pengurusan Risiko UPM seberapa segera iaitu sebelum minggu kedua Ogos 2021. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 51.11** | **Penangguhan Mesyuarat**<br><br>Pengerusi merakamkan ucapan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua ahli mesyuarat yang hadir ke mesyuarat ini dan menyeru semua ahli untuk terus mendoakan kesejahteraan kepada semua pekerja UPM yang dilanda musibah akibat penularan Pandemik Covid-19.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr. | **Makluman** |

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**

Tarikh : 29 Julai 2021 (Khamis)
Masa : 9.00 Pagi
Platform : Secara atas talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting*

**HADIR :**

| Bil. | Nama | Jawatan/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Amin bin Ismail | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti/ Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Puan Haslida binti Hassan | Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti/Setiausaha Mesyuarat |
| 3. | Ts. Shahril Iskandar bin Amir | TWP ISMS, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 4. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | TWP (PP), Pejabat Naib Canselor |
| 5. | Dato' Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP), Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 6. | Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah bin Abdullah | TWP (PP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 7. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP (PP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 8. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 9. | Puan Suhana binti Md Chairi | TWP (PP), Pejabat Pendaftar |
| 10. | Puan Hajah Izariahwati binti Mohd Isa | TWP (PP), Pejabat Bursar |
| 11. | Encik Zuhaimi bin Abdul Rahim | TWP (PP), Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 12. | Cik Haslina binti Abu Seman @ Talib | TWP (PP), Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 13. | Puan Nurhanisah binti Sadun | TWP (PP), Pusat Jaminan Kualiti |
| 14. | Encik Ahmad Nizam bin Abdullah | TWP (PP), Pusat Pembangunan Akademik |
| 15. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 16. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan | TWP (PP), Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 17. | Encik Roslan bin Parjo | TWP (PP), Pusat Kesihatan Universiti |
| 18. | Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam | TWP (PP), Pusat Islam Universiti |

| Bil. | Nama | Jawatan/PTJ |
|---|---|---|
| 19. | ASP/PB Ibrahim bin Hassan | TWP (PP), Bahagian Keselamatan Universiti |
| 20. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP (PP), Fakulti Perubatan Veterinar |
| 21. | Encik Johan bin Ali | TWP (PP), Taman Pertanian Universiti |
| 22. | Encik Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP), Pusat Penerbit UPM |
| 23. | Cik Syaakiratul Hasanah binti Rossidi | TWP (PP), Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 24. | Puan Noraihan binti Noordin | TWP (PP), Pusat Antarabangsa |
| 25. | Puan Salinah binti Junid | TWP (PTJ), Fakulti Pertanian |
| 26. | Puan Juita binti Md Tahir | TWP (PTJ), Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 27. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | TWP (PTJ), Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 28. | Puan Lailawati binti Bakar | TWP (PTJ), Fakulti Kejuruteraan |
| 29. | Encik Mohd Pauzi bin Abd Karim | TWP (PTJ), Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 30. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ), Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 31. | Puan Besek Intan Zafina binti Basok | TWP (PTJ), Fakulti Ekologi Manusia |
| 32. | Puan Zuraidah binti Ahmad | TWP (PTJ), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 33. | Encik Wan Mohd Radzi bin Wan Ismail | TWP (PTJ), Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 34. | Encik Abdullah bin Arshad | TWP (PTJ), Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 35. | Encik Mohd Radzi bin Mahidin | TWP (PTJ), Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 36. | Encik Noor Hakim bin Ahmad | TWP (PTJ), Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu |
| 37. | Puan Hasliza binti Zakaria | TWP (PTJ), Institut Biosains |
| 38. | Encik Mustapha Kamal bin Tahir | TWP (PTJ), Institut Teknologi Maju |
| 39. | Puan Farah Deena binti Zainol | TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 40. | Puan Nurul Hidayah binti Samadi | TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Matematik |
| 41. | Puan Zaireen binti Zakaria | TWP (PTJ), Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 42. | Puan Suryani binti Ahmad | TWP (PTJ), Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |

| Bil. | Nama | Jawatan/PTJ |
|---|---|---|
| 43. | Puan Zainor Mazwin binti Zainal | TWP (PTJ), Institut Pengajian Sains Sosial |
| 44. | Puan Rina Mazni binti Musa | TWP (PTJ), Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 45. | Puan Norazlina binti Zulkefli | TWP (PTJ), Institut Kajian Perladangan |
| 46. | Puan Nur Syahirah binti Ibrahim | TWP (PTJ), Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 47. | Puan Shamriza binti Shari | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD), Pusat Jaminan Kualiti |
| 48. | Puan Rozi binti Tamin | Penyelaras Audit Dalam (PAD), Pusat Jaminan Kualiti |
| 49. | Encik Azizi bin Ismail | Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar |
| 50. | Puan Askina binti Aziz | Penyelaras Kepuasan Pelanggan (PKPU), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |
| 51. | Encik Abdul Rahim bin Utar | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar |
| 52. | Puan Saliza binti Mustafa | Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |

**TURUT HADIR :**

| Bil. | Nama | PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Puan Siti Fatimah binti Hasim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 2. | Encik Muhammad Fitri bin Abu Muntalib | Taman Pertanian Universiti |
| 3. | Cik Aidawati binti Ramali | Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | Puan Dianna Watty binti Ibrahim | Pusat Penerbit UPM |
| 5. | Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin | Pejabat Naib Canselor |
| 6. | Puan Norhajijah binti Abd Latip | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 7. | Puan Nasreena binti Hailani | Hospital Pengajar, UPM |
| 8. | Puan Noor Baizura binti Mohd Safifee | Pusat Kesihatan Universiti |
| 9. | Puan Alaina Shofni binti Kasim | Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 10. | Encik Mohd Salehan bin Sanusi | Institut Penyelidikan Produk Halal |
| 11. | Encik Mohamad Amaludin bin Salleh | Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu |

**<u>TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN) :</u>**

| Bil. | Nama | Jawatan/PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Prof. Dr. Noor Azman bin Ali | Penolong Wakil Pengurusan,<br>Pusat Jaminan Kualiti |
| 2. | Puan Norhasliza binti Hassan | TWP (PP), Sekolah Pengajian Siswazah |
| 3. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | TWP (PP), Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 4. | Encik Muhammad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP (PP), Pejabat Penasihat Undang-undang |
| 5. | Encik Hisyamuddin bin Hashim | TWP (PTJ), Fakulti Sains |
| 6. | Encik Mohd Hairi bin Abd Aziz | TWP (PTJ), Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 7. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PTJ), Hospital Pengajar UPM |

**Lampiran B**

# JUSTIFIKASI PENURUNAN SASARAN PELAN FUNGSIAN DAN ARAS TAHUN 2021

| BIL | PROSES | OBJEKTIF KUALITI | PETUNJUK PRESTASI | SASARAN 2020 | PENCAPAIAN 2020 | CADANGAN PINDAAN/TAMBAHAN UNTUK PENGUKURAN 2021 | JUSTIFIKASI PENURUNAN SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Pelaksanaan Permohonan Bantuan Zakat oleh Pelajar | Memaklumkan keputusan permohonan bantuan zakat kepada pelajar | Memaklumkan keputusan permohonan zakat pelajar atas talian dalam tempoh 21 hari bekerja selepas tarikh sah permohonan | **95%** | **52.50%** | **Sasaran** : 80% | 1. Mengambil kira laporan Pelan Fungsian dan Aras Tahun 2020 yang tidak mencapai sasaran (52.50%) serta memastikan penetapan sasaran Tahun 2021 dapat dicapai.<br>2. Pandemik COVID-19 dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) menyebabkan kekangan waktu bekerja di pejabat bagi Pusat Tanggungjawab (PTJ) Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen (WAZAN) dan Pejabat Bursar (bagi urusan kewangan).<br>3. Kekangan proses temuduga pelajar yang memohon bantuan zakat atas talian sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Pelajar berada di kampung masing-masing dan sukar untuk dihubungi.<br>4. Masalah aplikasi sistem ewazan tergendala menyebabkan berlaku kelewatan proses permohonan bantuan zakat pelajar. |

**Lampiran B**

# JUSTIFIKASI PENURUNAN SASARAN PELAN FUNGSIAN DAN ARAS TAHUN 2021

| BIL | PROSES | OBJEKTIF KUALITI | PETUNJUK PRESTASI | SASARAN 2020 | PENCAPAIAN 2020 | CADANGAN PINDAAN/TAMBAHAN UNTUK PENGUKURAN 2021 | JUSTIFIKASI PENURUNAN SASARAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 2. | Penjanaan Pendapatan | Memperoleh pendapatan daripada pelaburan | Jumlah pendapatan yang diperoleh | **RM26000000** | **RM 17000000** | **Sasaran:** RM20,000,000 | 1. Kadar pulangan atas pelaburan yang ditawarkan oleh bank adalah rendah berbanding tahun terdahulu kesan daripada keadaan ekonomi semasa.<br>2. Program/inisiatif yang dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksana kerajaan pada tahun 2020. |
| 3. | Menyedia dan Memantapkan Prasarana Sokongan Pengajaran dan Penyelidikan serta Penjanaan Pendapatan | Menambahbaik prasarana termasuk haiwan ternakan, tanaman dan akuakultur bagi tujuan memantapkan sokongan pengajaran dan penyelidikan serta penjanaan pendapatan Taman Pertanian Universiti | Mengeluarkan anak benih tanaman | **15000 Bil.** | **8200 Bil.** | **Sasaran:** 10,000 bil | Mengambilkira faktor berikut:<br>1. Kesukaran mendapatkan biji benih atau bahan tanaman bagi penyediaan pokok penanti dan bekalan juga tidak mencukupi (contohnya biji durian).<br>2. Kekangan staf yang bertugas yang hanya melibatkan 30% sahaja turut memberi kesan langsung terhadap penurunan ini.<br>3. Penurunan ini adalah realistik berdasarkan pencapaian tahun 2020. Berdasarkan keadaan semasa, purata pengeluaran anak pokok sebulan adalah sekitar 1000 pokok. |

**Lampiran C**

## CADANGAN PINDAAN PELAN FUNGSIAN DAN ARAS TAHUN 2021

| BIL | PROSES | OBJEKTIF KUALITI | PETUNJUK PRESTASI | SASARAN 2021 |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Jaringan Kerjasama Industri | ~~Meningkatkan bilangan kerjasama strategik UPM-Industri~~<br>**Penjanaan Pendapatan Melalui Tabung Amanah JINM** | ~~Peratusan pencapaian jaringan kerjasama industri baharu daripada keseluruhan jaringan industri pada tahun semasa~~<br>**Jumlah pendapatan yang diperoleh** | ~~5%~~<br>**RM1,600,000.00** |
| | | **Penglibatan Staf UPM di dalam Aktiviti JINM** | **Peratusan staf yang terlibat dengan aktiviti JINM** | **23%** |
| 2. | Jaringan Kerjasama Komuniti | ~~Menembusi sekurang-kurangnya 60 daerah daripada 148 daerah setiap tahun~~<br>**Projek JINM Berfokuskan Ekosistem Pertanian** | ~~Peratusan pencapaian projek komuniti berdasarkan daerah dari keseluruhan daerah (Seluruh Malaysia) pada tahun semasa~~<br>**Bilangan projek JINM yang berimpak berfokuskan kepada ekosistem pertanian** | ~~40%~~<br>**58** |